

FAQ – PORTAL ANGGOTA KOBIMBING (SPBK)

Q : Apakah alamat portal KOBIMBING?

A : Alamat portal KOBIMBING adalah <http://portalkobimbing.asuscomm.com:8080/portal>

Q : Apakah langkah yang perlu dilakukan untuk melayari portal KOBIMBING berikut?

A : Menghubungi Unit Keanggotaan KOBIMBING atau email permohonan anda kepada supportportal@kobimbing.com.my berserta nama penuh dan juga nombor kad pengenalan untuk mendapatkan pengesahan ID dan katalaluan sementara.

Q : Apakah nama pengguna dan katalaluan?

A : Nama pengguna adalah nombor kad pengenalan anggota dan katalaluan perlu dapatkan pengesahan daripada Unit Keanggotaan KOBIMBING.

Q : Sekiranya terlupa katalaluan. Apakah yang perlu dilakukan?

A : Sekiranya terlupa katalaluan, anda perlu menghubungi pihak support KOBIMBING untuk melaporkan masalah tersebut. Anda perlu memberi nama penuh, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat emel kepada pihak support KOBIMBING untuk mendapatkan katalaluan yang baru.

Q : Bagaimana mahu menghubungi pihak talian bantuan?

A : Anda boleh menghubungi pihak support KOBIMBING melalui nombor telefon pejabat KOBIMBING 03-41416885 (waktu bekerja) atau emel kepada alamat berikut iaitu supportportal@kobimbing.com.my

Q : Bilakah waktu yang sesuai untuk melaporkan masalah?

A : Pada jam 9 pagi – 5 petang waktu bekerja. Bagi yang ingin melaporkan masalah melalui emel pula boleh emel pada bila-bila masa.

Q : Berapa lamakah masa yang akan diambil untuk mendapatkan maklum balas mengenai masalah yang dilaporkan?

A : Tempoh masa untuk pihak support KOBIMBING memberi maklum balas semula adalah 4 jam hingga ke 2 hari waktu bekerja bergantung kepada masalah yang dihadapi.

Q : Apakah urusan atau transaksi yang boleh dilakukan oleh pengguna?

A : Anda hanya dibenarkan untuk melihat maklumat peribadi, keanggotaan dan juga pembiayaan sahaja.

Q : Apakah perkara yang tidak boleh dilakukan semasa melayari portal KOBIMBING?

A : Anda tidak dibenarkan mengubah sebarang maklumat di dalam portal KOBIMBING.

Q : Adakah boleh membuat sebarang perubahan maklumat di dalam portal KOBIMBING?

A : Tidak. Anda hanya dibenarkan lihat sahaja.

Q : Bagaimana jika ingin melakukan sebarang perubahan mengenai maklumat anggota?

A : Jika anda ingin melakukan sebarang perubahan mengenai maklumat, anda boleh menghubungi Unit Keanggotaan ataupun pihak support KOBIMBING melalui nombor telefon pejabat KOBIMBING 03-41416885 (waktu bekerja) atau emel kepada alamat berikut iaitu supportportal@kobimbing.com.my

Q : Dimanakah tempat untuk mendapatkan maklumat mengenai portal KOBIMBING jika terdapat sebarang masalah seperti penyelenggaraan portal?

A : Sebarang maklumat baru mengenai penyelenggaraan portal anggota KOBIMBING akan dimaklumkan di dalam laman web KOBIMBING iaitu www.kobimbing.com.my

Q : Apakah cara untuk membuat pindaan kepada katalaluan?

A : Setelah mendapatkan katalaluan yang pertama daripada pihak KOBIMBING, anggota perlu menukar terus kepada katalaluan yang baru. Katalaluan hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya 6 kombinasi di antara karakter dan nombor.

Q : Adakah dibenarkan pihak ketiga membuat semakan untuk anggota?

A : Tidak, pihak ketiga tidak dibenarkan untuk melakukan semakan untuk anggota.

Q : Adakah portal KOBIMBING ini boleh dilayari menerusi telefon bimbit?

A : Ya. Alamat portal KOBIMBING adalah <http://portalkobimbing.asuscomm.com:8080/portal>

Q : Bolehkah anggota membuat permohonan keanggotaan ataupun pembiayaan menerusi atas talian (online)?

A : Tidak. Buat masa ini anggota tidak boleh membuat sebarang permohonan mengenai keanggotaan mahupun pembiayaan menerusi atas talian. Anggota perlu menghantar permohonan seperti biasa iaitu melalui emel keanggotaan@kobimbing.com.my atau pembiayaan@kobimbing.com.my